

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# KKM mahu kawalan sempadan dipertingkatkan

## Kekang kemasukan individu berpotensi sebar pandemik

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Bimbang dengan ancaman gelombang baharu penularan COVID-19 di luar negara, Kementerian Kesihatan (KKM) mahu kawalan sempadan dipertingkatkan bagi mengekang kemasukan individu berpotensi menyebarkan pula wabak itu ke negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ini kerana terdapat beberapa negara yang kini menghadapi ancaman gelombang baharu penularan COVID-19.

Beliau turut mengingatkan, perkara sama tidak mustahil boleh berlaku di negara ini sekiranya kawalan sempadan tidak dipertingkatkan dan pada masa sama, rakyat leka serta memandang remeh situasi yang melanda luar negara ketika ini.

Justeru, beliau percaya Akta Pencegahan dan Pengawalan Pe-

nyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) amat penting untuk terus dikuat kuasakan bagi memutuskan penularan COVID-19 di negara ini.

"Ketidaktepatan terhadap akta ini akan meningkatkan risiko kebolehhangkitan dan penularan penyakit dalam negara kita.

"Dalam hal ini, masyarakat perlu memainkan peranan penting dengan mematuhi sepenuhnya akta berkenaan dan segala prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan tidak kira siapa serta di mana sekali pun.

"Hanya dengan kepatuhan 100 peratus terhadap akta ini kita akan dapat bersatu dalam peperangan terhadap musuh kita iaitu COVID-19," katanya dalam sidang media, semalam.

Beliau berkata, sejak 3 April sehingga Ahad lalu, seramai 104,188 rakyat dan pemastautin tetap disaring, dengan 103,289 di kuarantin sama ada di rumah atau pusat kuarantin.



Dr Noor Hisham pada sidang media di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Kes positif COVID-19 yang di kesan pula sebanyak 899 kes yang mana mereka diasingkan dan dirawat di hospital. Sekiranya ada kelemahan, sistem ini akan di-

tambah baik dari semasa ke semasa," katanya.

Sementara itu, katanya, lima kes baharu membabitkan pelajar sekolah rendah dikesan da-

lam Kluster Tawar di Kedah dan sehingga kini kluster berkenaan sudah menjangkiti 70 individu.

Beliau berkata, mereka dikesan melalui pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat kes positif kluster berkenaan.

"Hasil siasatan mendapati mereka adalah kontak rapat kepada kes ke 9,197 yang juga seorang pelajar prasekolah yang dilaporkan pada 16 Ogos lalu.

"Sehingga kini, seramai 3,547 individu sudah disaring dalam kluster berkenaan membabitkan tiga negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang dan Perak," katanya.

Beliau berkata, kes baharu COVID-19 pula meningkat 11 kes semalam membabitkan sembilan kes penularan tempatan dan dua kes import iaitu mendapat jangkitan dari luar negara, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 sebanyak 9,285 kes.

## Polis panggil Khairuddin hari ini

**Kuala Lumpur:** Polis akan memanggil Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, ke Bukit Aman, petang ini untuk dirakam keterangan.

Timbalan Pengarah (Siasatan dan Perundangan), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Deputy Komisioner Mior Farid-lathrash Wahid, berkata keterangan Ahli Jawatankuasa Pusat PAS itu bagi membantu siasatan berhubung isu pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) kuarantin wajib di rumah.

"Insya-Allah, Mohd Khairuddin akan dipanggil petang esok

(hari ini)," katanya ringkas pada BH, malam tadi.

Terdahulu, Kementerian Kesihatan (KKM) dilaporkan menyerahkan kertas siasatan dalam pihaknya berhubung isu pelanggaran kuarantin oleh Mohd Khairuddin kepada polis untuk tindakan lanjut.

Mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), kerajaan mewajibkan semua individu yang baru tiba dari luar negara termasuk warganegara dan warga asing untuk menjalani kuarantin wajib 14 hari sebagai langkah mengekang penularan COVID-19.


AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL



ORANG ramai mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dalam norma baharu ketika berurusan di sebuah bank di Simping Tiga, Kuching, Sarawak, semalam.



Oleh Nor Farhani  
Che Ad  
am@hmetro.com.my

### Alor Setar

**P**emilik kedai Nasi Kandar Salleh di Napoh yang menjadi pencebus jangkitan Covid-19 bagi Kluster PUI Sivagangga sudah dipindahkan ke Penjara Pokok Sena dekat sini, kelmarin.

Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Mohd Fikri Ujang berkata, lelaki berusia 57 tahun itu yang dijatuhkan hu-

# Hukuman jel bermula

*Pemilik Nasi Kandar Salleh di Napoh dibawa ke Penjara Pokok Sena selepas keluar hospital*

kuman penjara, sebelum ini ditahan di wad Hospital Alor Setar (HAS).

Katanya, dia sebelum ini dikuarantin dan dipantau kakitangan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah di HAS bagi memastikannya bebas Covid-19.

"Keputusan asal saya dimaklumkan dia akan ke Penjara Pokok Sena.

"Petang semalam (kelmarin) dia sudah discaj dan terus dibawa ke penjara," katanya ketika dihubungi, semalam.

Pada 13 Ogos lalu, lelaki terbabit dijatuhkan hukuman penjara lima bulan dan denda RM12,000 selepas didapati bersalah tidak mematuhi perintah pengawasan dan pemerhatian.

Bagaimanapun, hukuman penjara terhadapnya ketika itu tidak dapat dijalankan berikutan masih dalam proses pemantauan hospital.

Lelaki bertaraf pemastautin tetap itu sebelum ini ditahan polis pada 23 Julai lalu kerana ingkar arahan kua-

rantin di rumah selepas pulang dari India pada 13 Julai lalu.

Terdahulu, dia dikesan orang ramai memakai gelang merah jambu berada di kedainya ketika diwajibkan menjalani perintah kuarantin 14 hari.

Akibat daripada perbuatannya itu, sekurang-kurangnya 45 individu didapati positif Covid-19 membabitkan kes di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang di bawah Kluster Pesakit Bawah Siasatan (PUI) Sivagangga.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

Oleh Mohd Firdaus Ibrahim, Suraya Roslan dan Nurul Hidayah Bahaudin  
am@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Biarpun kelmarin tiada kes penularan Covid-19 daripada Kluster Tawar dilaporkan, namun semalam Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan lima kes baharu dan semuanya membatinkan murid sekolah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia sekali gus menjadikan jumlah kes keseluruhan dalam kluster itu sebanyak 70 kes.

Memperincikannya, Noor Hisham berkata, kelima-lima kes itu membatinkan murid sekolah rendah di Kedah.

Katanya, mereka dikenal pasti melalui pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat kes positif kluster ini.

"Hasil siasatan mendapati mereka kontak rapat kepada kes ke-9197 iaitu seorang murid prasekolah (kes ini dilaporkan pada 16 Ogos 2020).

"Sehingga 25 Ogos jam 12 tengah hari, seramai 3,547 orang disaring dalam kluster ini," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Menurutnya, siasatan KKM mendapati punca penularan jangkitan Covid-19 terhadap lima murid sekolah rendah berpunca daripada ibu kepada seorang mangsa.

"Sekolah berkenaan sudah ditutup dan punca penularan masih dalam siasatan.



ORANG ramai memakai peltip muka sebagai mematuhi SOP yang ditetapkan bagi mengekang penularan Covid-19 ketika tinjauan di Arked Tanjung Dawai, di Kedah, semalam.

## Lima kes babit murid sekolah

Kontak rapat kepada murid prasekolah positif

Bagaimanapun, siasatan awal mendapati jangkitan berpunca daripada ibu kepada seorang murid itu.

"Kemungkinan anak kepada wanita berkenaan berawan dan menjangkiti murid lain," katanya.

Noor Hisham berkata, jangkitan membatinkan ge-

nerasi ketiga dan bukan generasi pertama atau kedua.

Katanya, ketika ini pihaknya sedang menjalankan ujian saringan dan siasatan mereka yang terdedah dengan kanak-kanak itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Noor Hisham mengesahkan siasatan awal

KKM tidak mengesan kanak-kanak menjadi punca penyebaran aktif Covid-19 dalam kluster tertentu.

"Kita dapati ada laporan mengatakan kanak-kanak punca penyebaran Covid-19, bagi kita tidak kesan mereka punca active spreader (penyebaran aktif) dalam klus-



ter tertentu.

"Bagaimanapun, ada peraturan kanak-kanak terabit tetapi tidak menjadi super spreader," katanya.

Katanya, kanak-kanak yang didapati positif virus itu akan dilakukan pengasingan dan diberi rawatan secepat mungkin.

## Lihat situasi semasa global dan tempatan

**Kuala Lumpur:** Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) akan dilanjutkan atau tidak selepas tamat pada 31 Ogos ini bergantung kepada situasi semasa global dan tempatan.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pengumuman mengenai perkara itu akan dilakukan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Pengumuman akan dibuat Perdana Menteri, tetapi kami di KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) melihat beberapa faktor antaranya situasi global, tempatan termasuk serantau sebelum membuat cadangan komprehensif lengkap untuk dibentangkan kepada Perdana Menteri.

KKM melalui Menteri Datuk Seri Dr Adham Baba mencadangkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) melanjutkan PKPP

"Perdana Menteri akan buat pengumuman, bukan saya," katanya.

Sebelum ini, KKM melalui Menteri Datuk Seri Dr Adham Baba mencadangkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) melanjutkan PKPP yang akan berakhir 31 Ogos ini.

Saranan diusulkan berdasarkan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berhubung Covid-19 berlaku tidak kurang dari dua tahun.

## 11 kes baharu Covid-19 direkodkan

**Kuala Lumpur:** Jangkitan Covid-19 dalam negara merekodkan 11 kes baharu semalam menjadikan jumlah kumulatif kes keseluruhan penularan wabak itu sebanyak 9,285 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 11 kes baharu itu membatinkan dalam negara dan dua kes import.

Beliau berkata, semua sembilan kes baharu penularan dalam negara itu dilaporkan adalah membatinkan warganegara.

"Kedah tujuh kes di-laporkan, lima daripadanya Kluster Tawar, satu kes saringan prapembedahan di Hospital Sultan Abdul Halim sebelum dipindahkan ke Hospital Sultanah Bahiyah dan satu lagi kes



Dua kes import itu masing-masing dari Filipina dan Indonesia"

Dr Noor Hisham Abdullah

saringan bergejala.

"Di Selangor dan Perlis pula masing-masing merekodkan satu kes," katanya dalam kenyataan media harian Covid-19 di Putrajaya, semalam.

Noor Hisham berkata, dua kes import yang mendapat jangkitan di luar negara membatinkan satu warganegara Malaysia dan satu bukan warganegara.

"Dua kes import itu masing-masing dari Filipina

dan Indonesia," katanya.

Katanya, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 189 kes dan mereka sudah diasingkan serta diberi rawatan.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat enam kes yang pulih dan dibenarkan discaj hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 8,971 kes.

Katanya, lapan kes positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) termasuk enam kes memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, tiada kematian berkaitan jangkitan Covid-19 dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) setakat 12 tengah hari semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian kekal 125 kes.

## KKM tak dimaklum kes menteri langgar perintah

**Kuala Lumpur:** Pihak atasan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak dimaklumkan berkaitan kes pelanggaran perintah kuarantin oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali sebaik beliau pulang dari Turki pada 7 Julai lalu.

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya hanya mengetahui perkara itu melalui laporan media yang disiarkan minggu lalu.

Sementara itu, Timbalan Pengarah (Siasatan/Perundangan) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Deputy Komisioner Mior Faridalathrash Wahid, berkata Dr Mohd Khairuddin akan dipanggil ke Bukit Aman untuk direkodkan keterangan dalam masa terdekat.

Ia bagi membantu siasatan gagal mematuhi perintah kuarantin wajib selepas beliau pulang dari Turki, 7 Julai lalu.

## Wajib mohon Pas Jangka Masa Panjang

**Kuala Lumpur:** Pasangan dan anak bukan warganegara Malaysia yang tidak mempunyai Pas Jangka Masa Panjang sudah dibenarkan masuk ke negara ini.

Perkara itu diputuskan pada Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semalam.

Namun begitu, Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, mereka diwajibkan untuk memohon Pas Jangka Masa Panjang setibanya di Malaysia.

"Bagi penduduk tetap, mereka dibenarkan masuk ke Malaysia tanpa perlu membuat permohonan awal.

"Mesyuarat Khas juga bersetuju untuk membenarkan rakyat Malaysia untuk ke luar negara bagi kes-kes kecemasan yang membatinkan ahli keluarga," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

## Kluster Tawar bertambah, dipercayai jangkitan daripada ibu **Lima murid positif Covid-19**

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Lima murid sebuah sekolah rendah di Kedah terdiri daripada dua lelaki dan tiga perempuan berusia sembilan hingga 12 tahun merupakan kes baharu Covid-19 bagi Kluster Tawar.

Jumlah itu daripada 11 kes baharu dicatatkan semalam membabitkan sembilan kes tempatan dan dua import.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lima kes baharu bagi Kluster Tawar itu menjadikan jumlah kes membabitkan kluster tersebut adalah sebanyak 70.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati mereka adalah kontak rapat kepada kes ke-9,197 iaitu murid prasekolah yang mana kes dilaporkan pada 16 Ogos lalu.

"Kementerian masih menjalankan siasatan terhadap kes tersebut dan lima murid yang positif Covid-19 merupakan kes generasi ketiga daripada kontak hospital kes indeks (kes ke-9,113).

"Sekolah terbabit telah ditutup dan punca penularan masih dalam siasatan. Bagaimanapun, siasatan awal juga mendapati jangkitan mungkin berpunca daripada ibu kepada salah seorang murid berkenaan.

"Kemungkinan anak kepada wanita berkenaan berkawan dan seterusnya menjangkiti murid lain," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Katanya, dua kes import pula membabitkan seorang warganegara dan seorang warga asing mendapat jangkitan dari negara Filipina dan Indonesia.

Berhubung laporan mengenai kanak-kanak berupaya menjadi penyebar utama Covid-19, Noor Hisham berkata, setakat ini pihaknya tidak mengesan golongan tersebut sebagai penyebar aktif dalam kluster tertentu.

"Ada peratusan kanak-kanak terlibat (positif Covid-19) tetapi

tidak menjadi 'super-spreader'.

"Kementerian juga mengesyaki Kluster Tawar di Kedah dan Pulau Pinang melibatkan strain mutasi D614G, namun pengesanan hanya boleh disahkan selepas ujian makmal," ujarnya.

Sementara itu, empat kluster iaitu Kluster Sentosa, Kluster Satok, Kluster Melbourne dan Kluster Kejuruteraan Kuching diisytiharkan tamat semalam selepas tiada kes baharu dicatatkan selama 28 hari.

Katanya, lima negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Melaka, dan Perak kekal sebagai negeri berstatus 'hijau' apabila tiada kes Covid-19 selama 14 hari



### Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	11
<b>Import: 2 Tempatan: 9</b>	
• Pulih	6
• Kematian	0
• Masih dirawat	189
• Jumlah kes sembuh	8,971
• Jumlah Kematian	125
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>9,285</b>

dari 11 Ogos hingga semalam.

"Wilayah Persekutuan Labuan juga tersenarai sebagai negeri 'hijau,'" ujarnya.

## Ibu bapa lega SMK Sungai Karangan ditutup

**KULIM** – Ibu bapa pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Karangan di sini menarik nafas lega apabila sekolah tersebut ditutup sementara sehingga 1 September ini susulan penularan Covid-19 bagi Kluster Tawar.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Sungai Karangan, Ismadi Ishak berkata, pihak sekolah menerima surat penutupan bermula pada Ahad lalu itu daripada Kementerian Pendidikan.

"Keputusan itu melegakan banyak pihak termasuk guru dan ibu bapa yang keliru memandangkan kawasan ini mempunyai kes positif Covid-19 tetapi sesi persekolahan masih diteruskan juga," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurutnya, ibu bapa dinasihatkan supaya memastikan anak-anak mereka berada

di rumah bagi mengelak dijangkiti wabak tersebut.

Sementara itu, Yang Dipertua (PIBG) Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Karangan, Muhammad Fuzail Shukri berkata, pihak sekolah sudah menjangkakan berlaku pengurangan pelajar berikutan kebimbangan ibu bapa apabila penularan wabak itu.

"Apabila Kluster Tawar dikesan di kawasan Padang Meha dan Sungai Karangan, pihak SK Sungai Karangan sudah bersedia dengan isu ketidakhadiran pelajar ke sekolah.

"Jumlah kehadiran pelajar" berkurangan dan pernah berlaku hanya 23 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar seramai 760 pelajar yang hadir ke sekolah untuk sesi pagi dan petang.

"Sekolah dibuka seperti biasa walaupun jumlah pelajar berkurangan," jelasnya.



SMK Sungai Karangan yang ditutup sehingga 1 September depan susulan penularan Covid-19 bagi Kluster Tawar.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 7  
 RUANGAN : NEGARA

## Kertas cadangan penyelarasan dibawa ke Kabinet

# Gaji doktor diselaras

Oleh RASDAN AHMAD

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Kesihatan akan mengemukakan kertas cadangan penyelarasan gaji bagi Pegawai Perubatan Kontrak Gred UD41 ke UD43 ke Kabinet dalam masa terdekat.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, kertas cadangan itu berikutan pegawai perubatan kontrak ketika ini menjalankan tugas sama tetapi mendapat gaji berbeza berbanding dengan pegawai lantikan tetap.

“Cadangan berkenaan bakal menyaksikan pegawai perubatan kontrak menerima gaji hampir sama dengan lantikan tetap,” katanya ketika Waktu Pertanyaan Menteri dalam sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (**PH-Bandar Kuching**) yang ingin tahu mengapa penyelarasan gred pegawai perubatan kontrak masih belum dilaksanakan.

Tambah Adham, kementerian turut mencadangkan supaya tempoh kontrak lebih panjang, sekali gus ia peluang lebih baik bagi pegawai perubatan kontrak mengambil laluan kepakaran setara.

“Bagi mereka (pegawai perubatan kontrak) yang kita naikkan gaji ke (gred) UD43 ialah pegawai yang sentiasa patuh dan bersedia untuk terus kekal dalam kementerian.

“Pegawai Perubatan Kontrak gred UD41 prinsipnya ialah upah mengikut kerja dan memikul beban tugas setara dengan lantikan tetap yang dinaikkan pangkat ke gred UD44. Begitu juga



**CADANGAN** pelarasan gaji Pegawai Perubatan Kontrak akan dibentangkan ke Kabinet dalam masa terdekat. – GAMBAR HIASAN

dengan farmasi dan pergigian,” ujarnya.

Menurutnya, pembentangan ini sebenarnya perlu dilaksanakan supaya perancangan untuk tambah baik laluan kerjaya dapat memelihara keharmonian di tempat kerja bagi pekerja tetap dan kontrak seterusnya meningkatkan motivasi pegawai semasa bertugas.

Terdahulu, Adham ketika menjawab soalan asal Datuk Ahmad Jazlan Yaakub (**BN-Machang**) berkata, secara prinsipnya pegawai perubatan kontrak mendapat emolumen setara dengan lantikan tetap.

Bagaimanapun, katanya, faedah lain seperti kemudahan cuti diberi berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 - Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak serta Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan Bilangan 2 Tahun 2016.

Pegawai perubatan kontrak juga dipanjangkan kemudahan rawatan perubatan kepada ibu bapa yang sebelum ini tidak pernah diberikan kepada pegawai lantikan kontrak lain.

Antara faedah cuti diberikan adalah cuti rehat selama 25 hari, cuti sakit selama 90 hari bergaji penuh dan cuti bersalin.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Penularan kontak rapat kes murid prasekolah Kluster Tawar, Kedah

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Seramai empat murid berusia 12 tahun dan seorang berusia sembilan tahun di sebuah sekolah di Kedah disahkan positif koronavirus (Covid-19) berkaitan Kluster Tawar.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kelima-limanya dikesan melalui pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat kes positif kluster tersebut.

Menurut Dr Noor Hisham, hasil siasatan mendapati murid berkenaan

# Lima murid dijangkiti Covid-19



DR NOOR HISHAM

ialah kontak rapat kepada kes ke-9,197 iaitu seorang murid prasekolah yang kesnya dilaporkan pada 16 Ogos lepas.

"Lima kanak-kanak tersebut merupakan generasi ketiga Kluster Tawar dan dijangkiti daripada ibu bapa (murid prasekolah) sebelum menjangkiti rakan-rakan di sekolah.

"KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) masih menjalankan siasatan bagaimana murid berkenaan terdedah kepada Covid-19," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Beliau berkata, seko-

lah terbabit ditutup buat sementara waktu.

Setakat jam 12 tengah hari semalam, seramai 3,547 individu telah disaring dalam Kluster Tawar.

Seramai 70 individu dikesan positif Covid-19

termasuk enam sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

Sementara itu katanya, KKM merekodkan 11 kes baharu termasuk lima murid sekolah berkenaan.

"Pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes meningkat kepada 9,285 kes dengan kes aktif 189 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, seramai lapan pesakit ditempatkan di ICU dan enam memerlukan rawatan rapi.

Beliau memberitahu, jumlah kes kematian kekal kepada 125 kes selepas tiada kes berkaitan Covid-19 dilaporkan.

## KKM serah kepada polis

### PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyerahkan kepada polis untuk menjalankan siasatan terhadap Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali yang didakwa gagal mematuhi perintah kuarantin selepas pulang dari Turki.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya tidak boleh mengeluarkan sebarang kenyataan berikutan siasatan sedang dilakukan.

"Biar polis lakukan tugas mereka, polis juga sebahagian daripada agensi penguat kuasa mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Dr Noor Hisham juga enggan mengulas mengenai kompaun RM1,000 yang dikeluarkan KKM terhadap Mohd Khairuddin.


Pada 7 Ogos lalu, Mohd Khairuddin dikompaun RM1,000 selepas didapati gagal mematuhi Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Berdasarkan akta itu, kesemua individu yang tiba dari luar negara sama ada warga negara atau warga asing perlu menjalani kuarantin wajib selama 14 hari.

Sementara itu, Bukit Aman telah membuka siasatan terhadap Mohd Khairuddin selepas menerima 27 laporan polis berhubung perkara itu.

MENTERI INKAR ARAHAN KUARANTIN

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

HARIAN	Kes baharu	Tempatan	Mati	Sembuh	ICU	STATISTIK KES COVID-19	KESELURUHAN	Jumlah Keseluruhan	Jumlah Sembuh	Jumlah kematian
	11	9 2 Import	0	6	8			9,285	8,971	125

## 5 lagi pelajar di Kedah positif

Oleh **AQILAH MIOR**  
**KAMARULBAID**

utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA** : Sebanyak lima pelajar sekolah rendah berusia sembilan dan 12 tahun di Kedah disahkan dijangkiti Covid-19, sekali gus menjadikan jumlah kes bagi Kluster Tawar sebanyak 70 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kelima-lima kes baharu itu dikenalpasti melalui pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat kes-kes positif kluster tersebut.

Katanya, hasil siasatan mendapati mereka merupakan kontak rapat kepada kes ke-9,197

yang merupakan seorang pelajar perempuan prasekolah berusia enam tahun yang dilaporkan pada 16 Ogos lalu.

"Sebanyak 3,547 orang disaring bagi kluster ini dengan 3,018 di saring di Kedah. Dari jumlah itu sebanyak 59 orang dikesan positif, 2,717 negatif dan 242 masih menunggu keputusan.

"Dalam pada itu sebanyak 518 saringan di Pulau Pinang dengan 11 orang di kesan positif, 507 negatif sementara di Perak kekal 11 saringan dengan semuanya disahkan negatif," katanya dalam sidang akhbar perkembangan harian Covid-19, di sini hari ini.

Tambah Dr. Noor Hisham, sekolah yang membabitkan pelajar itu telah ditutup dan kementeri-



**DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**

an sedang menjalankan siasatan bagi melihat kemungkinan jangkitan Covid-19 itu yang berpunca daripada seorang ibu kepada

anak, lalu menjangkiti rakan-rakan di sekolah.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, tiada laporan yang mengatakan kanak-kanak merupakan 'super spreader' yang menyebabkan penularan pandemik tersebut di negara ini.

"Apa yang pasti adalah tindakan kita. Sekiranya kita mengenal pasti kanak-kanak ada gejala, kita perlu membuat pengasingan dan pastikan tindakan kawalan kesihatan awam dilaksanakan secepat mungkin," katanya.

Sementara itu Dr. Noor Hisham berkata, kementerian sedang menyiasat isu pegawai perubatan di Hospital Sungai Buloh yang mendakwa tidak menerima elaun khas Covid-19.

Menurut beliau, pihaknya telah menyerahkan kepada pihak Pengurusan Bahagian Kewangan untuk melihat dan meneliti kes itu secepat mungkin.

"Saya difahamkan tuntutan elaun tersebut tidak lengkap menyebabkan petugas-petugas tersebut gagal mendapat elaun khas Covid-19.

"Yang penting kita akan selesaikan perkara itu secepat mungkin," katanya.

Beliau mengulas laporan sebuah laman web, yang menyiarkan luahan seorang pegawai perubatan yang mendakwa belum menerima sebarang elaun perpindahan, on-call dan elaun khas petugas barisan hadapan Covid-19 semalam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Hanya doktor terbaik sahaja diserap jawatan tetap

**ARAU:** Hospital yang ada di negara ini mencukupi bagi menampung pegawai perubatan latihan siswazah menjalani program *housemanship* (latihan) sebelum mereka yang terbaik diserapkan untuk jawatan tetap.

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chen Chaw Min berkata, sebanyak 48 hospital menyediakan program latihan tersebut kepada doktor pelatih.

Katanya, pihaknya juga bekerjasama dengan hospital universiti dan Kementerian Pertahanan bagi menyediakan program latihan ini kepada pegawai latihan siswazah.

"Setiap tahun kira-kira 5,000 graduan perubatan dari dalam dan luar negara dan mereka perlu menjalani latihan ini.

"Tidak semua hospital boleh menyediakan program latihan ini, namun hospital yang ada cukup



**CHEN Chaw Min (tiga dari kiri) menghadiri majlis penyerahan projek membina dan menyiapkan Klinik Kesihatan Kampung Gial di Arau, Perlis, semalam. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**

untuk menampung pelatih tersebut. Kita akan buat yang terbaik supaya mereka (doktor pelatih) tidak tunggu lama dan dapat mengikuti latihan ini," katanya

selepas majlis penyerahan projek membina dan menyiapkan Klinik Kesihatan Kampung Gial di sini semalam.

Sementara itu, beliau berkata,

pihaknya telah meminta Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga akhir tahun.

look

ir of-  
cially  
dding  
oughthave  
h theealth-  
ed in  
hatin  
Pack-  
e was  
M600  
il the



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION



Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah receiving the National Icon Lifetime Achievement Award for Leadership in Public Health from Jaycorp Berhad executive chairman Tan Sri Abdul Majid Khan at the Malaysian Healthcare Conference 2020 in Kuala Lumpur yesterday. With them is Kingsley Strategic Institute for Asia Pacific president Tan Sri Dr Michael Yeoh. PIC BY ASYRAF HAMZAH

S.O.P. FLOUTERS

## 'RAISE FINE FROM RM1,000 TO RM10,000'

Punishment meted out under Act 342 of 1988 may not suit current needs, says Health D-G

TEH ATHIRA YUSOF  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HE Health Ministry has proposed that the fine for those found guilty of breaking standard operating procedures (SOP) in place to battle Covid-19 be increased from RM1,000 to RM10,000.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the RM1,000 punishment under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342) might need to be reviewed to suit current needs.

"The act was drafted in 1988. The RM1,000 fine was probably reasonable then, but now we need to review that.

"We hope it can be pushed up to RM10,000. However, that is up to the parliamentarians (Dewan Rakyat) to decide."

He said the proposal to increase the maximum fine under Act 342 from RM1,000 to RM10,000 had been submitted to Parliament.

However, he noted that it

would take time for the motion to be accepted.

He said this during a dialogue on "Covid-19: Malaysia's Journey Towards Flattening the Curve" at the Malaysian Healthcare Conference 2020 here.

Under Act 342, enforcement authorities can charge a person under Section 24, whereby upon conviction, a penalty for a first-time offender is up to two years' jail or a fine, or both.

Under Section 25, however, the director-general or any public officer can impose a compound of up to RM1,000.

Meanwhile, Dr Noor Hisham also referred to a motion tabled recently in the Dewan Rakyat for the maximum RM1,000 fine to be reduced to RM250. He said he disagreed with the move.

"Over the last two weeks in Parliament, they wanted to lower (the fine) to RM250. We disagree with that as it is a compoundable offence."

On Aug 17, Kuching member of parliament Kelvin Yii submitted a motion to amend Act 342 by lowering the RM1,000 fine for flouting the mandatory public mask-wearing requirement to RM250.

Yii had said the current fine was too high and a burden to the people, especially the poor, students and people with disabilities.

The following day, Senior Min-

ister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the government had no intention of lowering the maximum RM1,000 compound, saying the fine was in place to protect society and not to burden anyone.

At the same event yesterday, Dr Noor Hisham was awarded the National Icon Lifetime Achievement Award for Leadership in Public Health by the KSI Strategic Institute for Asia Pacific.

In accepting the award, Dr Noor Hisham said the handling of the Covid-19 pandemic was a team effort.

"I'm not the sole person doing the job. There are frontliners working behind the scenes.

"For a 15-minute press conference, we have 150 people analysing the data. This is teamwork, not only within the Health Ministry but also other ministries."

Dr Noor Hisham credited Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin for the latter's decision-making during the pandemic.

"I advise him and he makes the decision. Do you credit the person as the adviser or do you credit the person making the decision?"

"If the prime minister said 'No, I'm not going to listen to you', what's going to happen? It would be a disaster.

"I think the credit should go to the prime minister."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

# Revised RM10,000 fine proposed

Health DG: RM1,000 compound amount outdated, but it's up to lawmakers to decide

**KUALA LUMPUR:** It has been proposed that the fine for compoundable offences under Act 342 (Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988) be raised from the current RM1,000 to RM10,000, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The revised figure has been submitted to Parliament recently and

would take some time to be passed.

"The Act was drafted in 1988. The RM1,000 was reasonable back then but now we need to revise it. So I leave it to the parliamentarians to decide," he said during the special dialogue on "Covid-19: Malaysia's Journey Towards Flattening the Curve" in conjunction with the Malaysian Healthcare Conference 2020 here yesterday.

At the event, Dr Noor Hisham was conferred the National Icon Lifetime Achievement Award for Leadership in Public Health by KSI Strategic Institute for Asia-Pacific.

Although Dr Noor Hisham has received multiple recognitions for his contributions in the war against the Covid-19 pandemic, he said the credit should not go to him alone

but to the whole team, especially Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"If you want to give credit, give it to the Prime Minister because he made the decision. I only advised him," he added.

On telemedicine, Dr Noor Hisham said Malaysia was lacking behind in terms of preparedness for digital system healthcare.

"Only during the crisis, we came out with MySejahtera and all the software, but not before the pandemic. I hope in time to come we prepare all these telemedicine or information technology approaches before the pandemic or the infections.

"I would like to see proactive rather than reactive approach," he added. — Bernama

## Dr Noor Hisham: Don't ease borders, tighten it

**PUTRAJAYA:** With imported Covid-19 cases on the rise, Malaysia is looking at tightening borders.

The Health Ministry is monitoring the situation in countries like South Korea, which had seen a sharp increase in cases, said director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"We are seeing an increase in imported cases here. We are also concerned about countries such as South Korea, which once upon a time, managed to keep their cases under control.

"They have just reported 2,600

cases within 10 days. We are also seeing the same thing in Hong Kong, Japan, Australia and New Zealand.

"We need to be vigilant. The recommendation should not be to ease the border, but to tighten it," Dr Noor Hisham said at the ministry's Covid-19 press conference here.

Out of 50 confirmed cases recorded in Malaysia since Aug 20, 24 are imported cases.

Earlier, Dr Noor Hisham announced that there are 11 new cases – nine local transmissions and two imported. The imported cases involve a Malaysian returning from the

Philippines and a foreigner arriving from Indonesia.

Five of the local transmission cases are linked to the Tawar cluster, which brings the total of cases related to the cluster to 70.

The five are identified as school children in Kedah and are close contacts of Patient 9,197, a six-year-old girl who tested positive on Aug 16.

The Tawar cluster's index case (Patient 9,113) is a 53-year-old man who tested positive for the virus on Aug 12.

He has a history of attending a funeral gathering on July 31 to Aug 1,

which was attended by family members.

The cluster, which spans three generations, caused 59 confirmed cases in Kedah and 11 cases in Penang.

On another matter, Dr Noor Hisham said the ministry's top management had been kept in the dark on the quarantine breach issue involving Plantation Industries and Commodities Minister Datuk Mohd Khairuddin Aman Razali.

"All of us here, we were not informed of this. We only learnt of it last week when it was raised by the

media, so we instructed an internal investigation. It's important for our frontliners that whatever happened at the ground level must be relayed to us and the superiors so that we can take action," he said.

Dr Noor Hisham was asked to comment on the RM1,000 compound that was issued to Khairuddin on Aug 7 for not undergoing the mandatory 14-day quarantine upon returning from Turkey.

"We will leave all the investigating to the police now as they will do the necessary action. Hopefully, they will do a good job," he said.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Ministry to probe claims of unpaid allowance

**PETALING JAYA:** The Health Ministry is looking into allegations that some medical staff at several public hospitals, including the Sungai Buloh Hospital, have not received their special allowances for treating Covid-19 patients for several months.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yesterday said he was aware of the situation affecting frontliners at some hospitals.

"I have informed the Finance Department to look into it," a news portal quoted him as saying at a press conference on Covid-19.

"I was told it was not all the hospitals, but some officers, and I was told the submission of claims were incomplete.

"I think we need to look into the details and

facilitate this as soon as possible as this is not right to our officers on the ground, especially the frontliners."

In a report by *theSun* yesterday, Sungai Buloh Hospital said it would investigate allegations that medical officers working in the hospital have not been paid various allowances since March.

A hospital communications official declined to say if the allegations were true. Instead, he said future inquiries should be directed to the Health Ministry.

"We are still conducting our investigations and will submit the findings to the Health Ministry, which is already aware of the situation. Please direct your future questions to the ministry," the officer said.